



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (104)

SIARAN MEDIA

DOF LANCAR eSPeKS DAN AQUATRACK, DIGITALKAN URUSAN AKUAKULTUR

SERDANG, 1 September 2026 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) hari ini melancarkan eSPeKS dan AquaTrack, dua aplikasi digital yang menyediakan kemudahan kepada penternak akuakultur dalam urusan permohonan bantuan serta pengurusan operasi dan rekod perusahaan.

Pelancaran kedua-dua aplikasi tersebut disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan pada majlis yang berlangsung di Pentas Utama Laman Agrofood Fisheries sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026.

eSPeKS, iaitu Elektronik Sistem Penyampaian Khidmat Sokongan Akuakultur, merupakan sistem yang mendigitalkan proses permohonan, penilaian dan kelulusan bantuan akuakultur secara dalam talian. Pemohon boleh melengkapkan maklumat permohonan, memuat naik dokumen sokongan serta menyemak status permohonan secara masa nyata.

Permohonan yang dikemukakan diproses melalui aliran kerja penilaian sehingga lapan peringkat, melibatkan pegawai Jabatan Perikanan Malaysia di peringkat daerah, negeri dan Ibu Pejabat sebelum pengesahan kelulusan. Pemohon turut menerima notifikasi berkaitan perkembangan permohonan melalui e-mel.

Sistem ini membolehkan keseluruhan proses permohonan direkodkan dalam satu pangkalan data berpusat, sekali gus memudahkan pemantauan permohonan dan urusan pemohon dengan Jabatan.

Sementara itu, AquaTrack merupakan platform digital pengurusan ladang akuakultur yang berfungsi sebagai buku log digital bagi membantu penternak merekod aktiviti operasi dan memantau prestasi ternakan.

Antara maklumat yang boleh direkodkan melalui AquaTrack termasuk kemasukan benih, penggunaan makanan dan hasil tuaian. Data tersebut dipaparkan dalam papan pemuka bagi membantu penternak melihat perkembangan operasi ternakan serta membuat analisis berdasarkan rekod yang dimasukkan.

AquaTrack turut menyediakan fungsi pengiraan Kadar Penukaran Makanan (Feed Conversion Ratio - FCR) secara automatik, anggaran kos pengeluaran dan titik pulang modal bagi membantu penternak membuat perancangan berkaitan operasi ternakan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Selain itu, platform ini menyediakan maklumat berkaitan penyakit ikan dan udang, panduan ternakan serta bahan rujukan akuakultur. Penternak juga boleh menjana laporan berdasarkan rekod yang dimasukkan bagi tujuan pengurusan dan pemantauan perusahaan.

AquaTrack ditawarkan secara percuma kepada penternak akuakultur di seluruh Malaysia dan boleh digunakan melalui telefon pintar, tablet atau komputer.

Menurut Ketua Pengarah Perikanan, pengenalan kedua-dua aplikasi ini memberi kemudahan kepada penternak dalam mendapatkan perkhidmatan Jabatan serta mengurus maklumat dan rekod perusahaan secara digital.

“eSPeKS dan AquaTrack melengkapkan keperluan penternak daripada dua sudut yang saling berkaitan. eSPeKS memudahkan urusan permohonan bantuan, manakala AquaTrack membantu penternak merekod dan mengurus operasi ladang secara digital.”

“Dengan maklumat permohonan dan rekod operasi yang diurus secara digital, penternak mempunyai akses yang lebih mudah kepada maklumat berkaitan perusahaan, manakala Jabatan dapat melaksanakan pemantauan berdasarkan rekod yang dikemukakan,” katanya.

Pelancaran eSPeKS dan AquaTrack menyediakan kemudahan digital kepada komuniti penternak akuakultur bagi urusan permohonan bantuan serta pengurusan operasi dan rekod perusahaan.

Jabatan Perikanan Malaysia menggalakkan komuniti penternak akuakultur memanfaatkan kedua-dua platform tersebut bagi memudahkan urusan dengan Jabatan dan pengurusan perusahaan masing-masing.

-TAMAT-

Pautan gambar :

https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1wLW6_eflWEA24sdIuSK2Zz8oHX8rhbyT

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my